

July 2016



UNIVERSITI
TEKNOLOGI MARA
SARAWAK

72nd
ISSUE

info kampus



**SOARING
UPWARDS**
MALAYSIAN HIGHER EDUCATION

ISSN 2232-1576



9 772232 157005

KURSUS MOTIVASI KECEMERLANGAN AKADEMIK 2016

Oleh: Siti Nursarjana Malim

Pihak KEKiTA sentiasa berusaha untuk cuba memenuhi kehendak ahli-ahlinya dengan mengambilkira cadangan aktiviti yang disuarakan. Antara aktiviti yang dicadangkan adalah untuk mengadakan kursus yang bersesuaian bagi anak-anak ahli yang bakal menduduki peperiksaan penting di peringkat sekolah menengah iaitu PT3 dan SPM. Atas dasar ingin memenuhi kehendak tersebut maka pihak KEKiTA telah menganjurkan Kursus Motivasi Kecemerlangan Akademik 2016 pada 15 Mei 2016 bertempat di Pusat Sumber Tun Openg, Kuching.

Kursus ini telah dihadiri oleh 30 orang anak-anak ahli yang bakal menduduki PT3 atau SPM. Kursus selama satu hari ini telah dijayakan oleh Tn. Hj. Mohamed Soder Rahmad iaitu Ketua Pusat Kerjaya dan Kaunseling, Universiti Teknologi MARA Shah Alam. Beliau, yang lebih mesra dikenali sebagai Pak Su, telah berkongsi beberapa perkara penting merangkumi tajuk KENAPA SAYA PERLU CEMERLANG?, KONSEP BELAJAR & TEKNIK MENGAMBIL NOTA serta TIPS MENGHADAPI PEPERIKSAAN. Selain itu, beliau banyak berkongsi video dan lagu-lagu yang mengingatkan para peserta agar jangan melupakan jasa ibu bapa yang telah banyak berkorban dan bersusah-payah dalam memastikan keperluan pembelajaran anak-anak dapat dipenuhi.

Antara bait lirik lagu *Jasa Bonda* iaitu “..marah bukan kebencian tapi tanda sayang..” diharapkan sedikit sebanyak dapat menginsafkan para peserta bahawa ibubapa merupakan insan terpenting yang bakal menentukan kejayaan anak-anak pada masa hadapan dan marah mereka adalah dengan niat agar anak-anak menjadi insan yang berguna. Sesi kursus ditamatkan dengan harapan kesemua peserta dapat mengaplikasikan tajuk-tajuk yang telah dibincangkan dalam mengatur corak pembelajaran demi mencapai kecemerlangan dalam bidang akademik.



PROGRAM EDUQUEST SCHOOL EDUCATION FAIR

Pada 3 Mac 2016, UiTM Sarawak telah mengambil bahagian dalam Program Eduquest School Education Fair bertempat di SMK Sg. Maong, Kuching. Pameran ini turut disertai oleh berbagai universiti-universiti tempatan dan juga universiti-universiti luar negara yang mempunyai program bersama seperti Nottingham University di Semenih dan Reading University di Johor. Booth UiTM siap beroperasi pada jam 8 pagi. Walau bagaimanapun, booth UiTM hanya dikunjungi ramai pelajar dan ibubapa selepas keputusan SPM diumumkan iaitu pada sekitar jam 10 pagi. Pelajar dan ibubapa yang berkunjung ke booth telah diberi penerangan tentang kursus-kursus yang ditawarkan di UiTM Sarawak dan garis panduan untuk memohon kemasukan ke UiTM Sarawak. Secara keseluruhannya misi akademik ini telah berjaya mendapat sambutan yang memberangsangkan dari calon lepasan SPM dan ibubapa yang hadir.



Pegawai bertugas Misi Akademik (dari kiri) Pn. Azlina Ghazali, Pn. Noraida Omar, Pn. Noreriani Sabturan dan Pn. Siti Aisyah Mazlan

BULAN SAINS DAN TEKNOLOGI SMK KOTA SAMARAHAN



Ceramah dan aktiviti Jabatan Sains Komputer dengan pelajar-pelajar SMK Kota Samarahan



Kesinambungan daripada program STEM yang telah dijalankan pada 20 dan 21 Januari 2016, Jabatan Sains Komputer Universiti Teknologi MARA Sarawak telah berbesar hati menerima jemputan daripada pihak SMK Kota Samarahan untuk berkongsi pengalaman dan memperkenalkan IT kepada warga sekolah sempena Bulan Sains dan Teknologi yang dianjurkan oleh pihak sekolah berkenaan pada 23 Mac 2016.

Di antara aktiviti-aktiviti yang dijalankan adalah pameran komponen yang terdapat di dalam CPU, tayangan multimedia, demonstrasi aplikasi mudah alih (*mobile app*) dan demonstrasi dron. Para pelajar amat gembira dan teruja dengan pengisian pameran kerana mereka bukan sahaja berpeluang melihat bahan pameran secara lebih dekat malah diberi peluang untuk mencuba. Pelajar yang berjaya menjawab soalan kuiz diberikan saguhati. Slot ceramah pula dikhaskan kepada para pelajar Tingkatan 5 dan diisi dengan maklumat serta perkembangan terkini dunia IT. Penerangan ringkas mengenai syarat-syarat kemasukan ke UiTM juga dikongsikan agar para pelajar mendapat gambaran yang jelas tentang hala tuju mereka selepas mendapat keputusan SPM 2016 kelak. Aktiviti seumpama ini secara tidak langsung mendekatkan para pelajar dan warga sekolah dengan Jabatan Sains Komputer, khasnya dan juga UiTM secara umum.

Pihak sekolah dan pihak Jabatan Sains Komputer berpuas hati kerana kedua-dua pihak telah mendapat manfaat daripada penganjuran Bulan Sains dan Teknologi dan berharap kerjasama yang erat ini akan berterusan demi kelestarian masa depan IT di Sarawak.



UNIVERSITI
TEKNOLOGI MARA
SARAWAK

Corporate Communications & International Relations

Universiti Teknologi MARA Sarawak
Jalan Meranek, 94300 Kota Samarahan,
Peti Surat 1258, 93312 Kuching,
Sarawak, Malaysia

Tel: 082 - 677 200 | Fax: 082 - 677 300
E-mail: corporate@sarawak.uitm.edu.my
www.sarawak.uitm.edu.my